

Perbankan Islam Pemangkin Peluang Pekerjaan

KEPESATAN pembangunan dalam sistem kewangan Islam telah menjadi suatu fenomena. Salah satu prasyarat utama dalam menyokong pembangunan kewangan Islam yang progresif adalah dengan membina kumpulan tenaga kerja mahir.

Dalam usaha menyokong serta memartabatkan sistem kewangan Islam di Malaysia, beberapa institusi pendidikan tempatan seperti Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Teknologi Mara, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Universiti Utara Malaysia kini menawarkan program-program dalam kewangan Islam dari peringkat diploma sehingga ijazah kedoktoran bagi menampung keperluan industri.

Apakah potensi pekerjaan dalam industri perbankan Islam?

Menurut perangkaan Bank Negara Malaysia, dalam tempoh 10 tahun akan datang, sektor kewangan dijangka memerlukan tenaga kerja sebanyak kira-kira 200,000 orang, iaitu pertambahan sebanyak 56,000 orang berbanding 144,000 orang pekerja pada masa ini.

Peningkatan ini akan disokong oleh permintaan kukuh merentas sektor kewangan termasuk permintaan untuk kemahiran pakar dalam bidang pertumbuhan tinggi dan khusus seperti pembiayaan modal risiko, pengurusan kekayaan, khidmat nasihat syariah, kewangan korporat dan khidmat nasihat pelaburan.

Sektor kewangan Islam di Malaysia khususnya, dikatakan memerlukan 35,000 profesional perbankan Islam yang bertauliah menjelang tahun 2020 supaya sektor perbankan Islam lebih berdaya saing.

Jumlah tenaga mahir sedia ada dikatakan masih tidak mampu menampung keperluan dalam bidang kewangan Islam.

Untuk maklumat yang lebih khusus, Institut Perbankan dan Kewangan Islam (IBFIM) baru-baru ini mengeluarkan kenyataan bahawa setakat ini hanya terdapat kira-kira 30,000 sahaja profesional perbankan Islam daripada keseluruhan 130,000 pekerja di lebih 50 buah bank di negara ini.

Mengapakah jumlah besar tenaga kerja khusus ini diperlukan?

Apabila negara kekurangan tenaga mahir dalam bidang ini, sudah tentu kita kekurangan idea baharu dalam menawarkan produk-produk yang lebih inovatif dan kompetitif.

Ketika kewangan Islam berkembang pada kadar purata 20 peratus setahun, kewangan Islam menjadi segmen terpantas berkembang dalam industri kewangan di samping wujudnya pensijilan dan pengiktirafan dalam kewangan Islam di peringkat dalam dan luar negara.

Kepesatan ini tidak selari dengan saluran bagi pembangunan kerjaya yang masih jauh ketinggalan terutama di peringkat institusi-institusi kewangan Islam di Malaysia.

Menyedari hakikat ini, harus ada usaha jitu dalam melahirkan kumpulan profesional dan pakar dalam bidang kewangan Islam bagi pasaran domestik dan global.

Apakah langkah yang diambil oleh institusi perbankan seperti Maybank Islamic Bhd. (MIB) untuk menyokong keperluan ini?

MIB di bawah inisiatif Pusat Kecemerlangan Syariah telah memperuntukkan dana untuk diberikan dalam bentuk biasiswa.

Para pelajar yang berkecemerlang dengan pencapaian akademik cemerlang dan aktif berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi melalui tajaan daripada MIB.

Melalui Anugerah Biasiswa Maybank, para pelajar yang berkecemerlang kini berpeluang mendapatkan biasiswa penuh untuk melanjutkan pengajian dalam bidang syariah dan juga kewangan Islam.

Malah, baru-baru ini MIB juga telah menawarkan biasiswa untuk Program Kewangan Islam Profesional Berkanun (CIFP) di Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF). Dana biasiswa ini semua menggambarkan komitmen MIB untuk mengukuhkan perkembangan dan pembangunan tenaga mahir dalam industri kewangan Islam.

Usaha ini diharap dapat melahirkan lebih banyak graduan yang bersedia pada peringkat kemasukan melalui kerjasama dan penyelarasan yang lebih erat antara industri kewangan Islam dengan institusi pengajian tinggi bagi memastikan peralihan graduan menjadi tenaga kerja industri kewangan Islam berjalan lancar.

Artikel

Penuh: http://kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=0807&pub=Kosmo&sec=Varia&pg=va_01.htm#ixzz3OZWBW7j1

Hakcipta terpelihara